



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HAJJAH AZIZAH SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN SENI

SUHANA BINTI MOHD TAIB



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
SARJANA PENDIDIKAN (SEN1)**



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

07.04.2006

SUHANA BINTI MOHD TAIB
M 20041000020





PENGHARGAAN

**“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang”**

Sabda Rasullulah s.a.w yang bermaksud, “Barang siapa yang melepaskan dari orang mukmin satu kesusahan dari kesusahan di dunia, pasti Allah akan melepaskan daripadanya satu kesusahan dari kesusahan hari kiamat. Dan barang siapa yang menolong yang sedang menderita kesukaran, pasti Allah akan menolongnya di dunia dan akhirat dan barang siapa menempuh suatu jalan untuk mencari ilmu, pasti Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga”.

(Hadis dari Abu Hurairah r.a)

Apa yang ditulis pada hari ini akan menjadi satu wadah untuk tatapan generasi akan datang, seperti kewujudan tokoh dan seni tekak yang masih kekal hingga kini. Ini semua adalah ciptaan dan warisan dari satu zaman ke zaman, dari satu generasi ke generasi seterusnya untuk tatapan semua pada hari ini dan akan datang.

Sesungguhnya saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah rahmatNya kajian ini akhirnya disempurnakan dengan kerjasama semua pihak. Saya dengan ini merakamkan rasa yang teramat terima kasih dan terhutang budi terutama buat keluarga tersayang dan tercinta. Istimewa buat suami tersayang, Mohd Nazli b. Talib kerana beliau telah banyak berkorban untuk menjayakan pengajian ini dan telah memberi perangsang, semangat serta bertungkus lumus menyediakan wang ringgit dalam membiayai perbelanjaan saya di sepanjang tempoh pengajian berlangsung. Tidak lupa juga kepada ketiga-tiga buah hati saya iaitu Mohamad Loqman Nor Hakim, Siti Nor Aishah dan Muhamad Amirul Amin.

Rakaman rasa terima kasih ini juga buat semua pensyarah Fakulti Seni dan Muzik, yang dihormati selaku Dekan Fakulti iaitu Dr. Ahmad Suhami bin Mohd Nor dan merangkap penyelia bagi kertas projek mod ‘A’ bagi melengkapkan program Sarjana Pendidikan (Seni). Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, idea dalam menjalani pembelajaran dan penghasilan kertas projek ini agar berjalan dengan lancar.



Teristimewa sekali, juga tidak dilupakan buat semua rakan seperjuangan yang amat saya sayangi, kepada kak Ros, kak Shidah, kak Adib, kak Halijah, kak Khalijah, cikgu Osman, cikgu Yusuf, cikgu Manaf, cikgu Asmad, Sarman dan Ifhamudin yang telah banyak membantu dalam pembelajaran saya di sepanjang tempoh pengajian memandangkan ilmu yang ada pada saya terlalu cetek jika dibandingkan dengan mereka yang penuh dengan ilmu dan pengalaman memandangkan saya hanyalah seorang surirumah yang bercita-cita tinggi. Terima kasih yang tak terhingga di atas persahabatan kita semua dalam medan ilmu ini dan selamanya semoga segala suka dan duka yang kita lalui akan membawa sinar gemilang di masa hadapan dan menjadi kenangan serta pedoman sepanjang hayat.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan pihak yang terbabit di atas segala kerjasama yang diberikan untuk menjayakan kertas projek ini:

- a) Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- b) Perpustakaan Institut Kraftangan Malaysia, Rawang.
- c) Perpustakaan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.
- d) Hajjah Azizah bt. Yusuf
- e) Pn. Salmiah bt. Joya
- f) Pn. Azizah bt. Haji Adam.

Akhir sekali rakaman penghargaan terima kasih yang tak terhingga buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk penghasilan kertas projek ini.

Suhana binti Mohd Taib,
M 20041000020,
Semester 4,
Fakulti Seni dan Muzik,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak.

ABSTRAK

Kajian ini mengenalpasti wujudnya kesinambungan seniman atau tokoh sebagai institusi pendidikan seni yang merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan dalam peranan dan sumbangannya terhadap masyarakat dan dunia pendidikan secara tidak langsung. Kajian ini dijalankan di Kampung Padang Changkat, Kuala Kangsar, Perak, yang mana pengusaha-pengusaha di sekitarnya mendapat bantuan daripada Datuk Seri Rafidah Aziz selaku ahli parlimen kawasan. Maklumat yang dikumpulkan melalui temubual dan pemerhatian ke atas seorang tokoh iaitu Hajjah Azizah Bt. Yusof dan dua orang bekas pelajarnya, Pn. Azizah bt. Haji Adam dan Pn. Salmiah Bt. Joya serta pekerja-pekerja beliau. Kajian ini mengenalpasti beberapa perkara penting iaitu peranan tokoh sebagai institusi pendidikan seni serta mengenalpasti sumbangan beliau terhadap masyarakat setempat. Selain daripada itu pengkaji juga cuba mengkaji sumbangan karya beliau dalam pendidikan seni. Akhir sekali kajian ini juga memberi konklusi bagi menunjukkan bahawa Hajjah Azizah sebagai institusi pendidikan seni, tidak boleh disangkal, khususnya dalam kraf tekak. Pandangan dan saranan yang dikemukakan ialah untuk menjana dan merangsang pendokong dan pendidik seni untuk memartabatkan seniman dan tokoh sebagai satu bidang apresiasi seni dalam mata pelajaran Pendidikan Seni.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang penyelidikan	1
1.2 Pernyataan masalah	3
1.3 Objektif kajian	4
1.4 Soalan kajian	5
1.5 Kepentingan kajian	6
1.6 Batasan kajian	7
1.7 Definisi istilah	8
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Kajian lepas	10
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pendekatan penyelidikan	13
3.2 Teknik penyelidikan	14
3.3 Instrumen kajian	16
3.4 Sampel kajian	17
BAB 4 HAJJAH AZIZAH TOKOH TEKAT KEBANGSAAN	18
BAB 5 SUMBANGAN KARYA HAJJAH AZIZAH DALAM KONTEKS PENDIDIKAN SENI	
5.1 Pengenalan	23

5.2	Struktur Penciptaan Seni Tekat	26
5.2.1	Ragamhias dan jenis-jenis tekat	26
	Unsur dan bentuk motif seni	
5.2.2	tekat	30
5.2.3	Bahan, alat, dan, proses membuat tekanan	32
	i Bahan	
	ii Alat	
	iii Proses membuat tekanan	
5.3	Hasil seni tekat	37
5.4	Kraf dalam pendidikan seni	39

BAB 6	SUMBANGAN HAJJAH KEPADA PENDUDUK SETEMPAT	
	Pendidikan seni dalam masyarakat	44
	Sumbangan Hajjah Azizah	45
	Latar belakang Pn. Salmiah bt. Joya	49
	Latar belakang Pn. Azizah bt. Haji Adam	53

BAB 7	PERANAN HAJJAH AZIZAH MEMPERTAHANKAN WARISAN SENI TEKAT	58
--------------	--	-----------

BAB 8	HAJJAH AZIZAH SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN SENI	62
--------------	--	-----------

PENUTUP	70
----------------	-----------

RUJUKAN

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang penyelidikan

Kraftangan tradisional adalah warisan yang diperturunkan sejak zaman-berzaman yang wujud dalam kesenian masyarakat Melayu. Ia dianggap sebagai lambang keperibadian bangsa Melayu, kaya dengan falsafah, mempunyai nilai estetika yang tinggi dan dikagumi oleh para sarjana Barat. Kraf memiliki nilai dan jati diri masyarakat Melayu. Menurut Anthony Burgess (1986), 'seni bermula dengan kraf dan tidak ada seni sehinggalah kemahiran kraf dikuasai'. Perkembangan kraf tradisional pada zaman awal ketamadunan bangsa Melayu amat pesat membangun. Ini disebabkan suasana sosial masyarakat pada masa itu yang menuntut seni ini perlu dikekalkan dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Daripada jari-jemari wanita yang lembut, lahirilah ciptaan-ciataan berseni, indah mempesona, namun ia bukanlah sesuatu yang mudah. Ia menuntut kerajinan,

ketekunan, kesabaran, ketelitian dan kecermatan. Tokoh Tekat Kebangsaan, Hajjah Azizah, pemilik Syarikat Gesamas Sdn.Bhd, adalah seorang pengusaha tekat yang berjaya. Mengimbau salasilah ilmu menghasilkan tekat oleh Hajjah Azizah, beliau adalah generasi yang keempat yang mewarisi kebolehan menghasilkan seni tekat benang emas secara turun-temurun. Sekitar awal 1980-an, kegiatan menghasilkan tekat hanya dibuat secara kecil-kecilan tanpa bantuan mana-mana badan kerajaan atau bukan kerajaan. Namun usaha Hajjah Azizah mempertahankan khazanah warisan bangsa yang tinggi nilainya mula mendapat perhatian beberapa pihak setelah Datuk Seri Rafidah Aziz melawat ke rumahnya. Bukan sekadar membuat lawatan malahan Datuk Seri Rafidah juga telah memberi bantuan kewangan kepada Hajjah Azizah bagi meneruskan usahanya.

Hajjah Azizah adalah bekas guru KEMAS. Walaupun beliau tidak lagi bertugas di sana tetapi peranannya sebagai pendidik masih diperlukan bagi menyalurkan ilmu-ilmu yang dimiliki, untuk diperturunkan kepada generasi yang akan datang. Ini dapat dilihat apabila pihak KEMAS memberi sepenuh kepercayaan kepada Hajjah Azizah untuk mengajar secara praktikal pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) seluruh negara, demi memastikan seni tekat benang emas mempunyai kesinambungannya.

Ini menunjukkan bahawa selain daripada pengusaha tekat apa yang penting adalah, Hajjah Azizah itu sendiri dijadikan sebagai satu institusi pendidikan seni. Di sinilah timbulnya persoalan kajian di mana tumpuannya adalah mengenalpasti sumbangan dan bagaimana Hajjah Azizah memainkan peranannya dalam bidang



pendidikan seni mahupun secara langsung atau secara tidak langsung. Hajjah Azizah telah membuka kelas latihan di bengkelnya sendiri, bagi melatih surirumahtangga dan individu yang berminat bagi meneruskan serta mengekalkan seni tekak tradisional.

Terdapat beberapa orang pelajarnya telah pun berjaya membuka perniagaan sendiri dalam industri tekak tradisional sebagai sumber mata pencarian. Mereka mengakui bahawa Hajjah Azizah telah banyak mengajar mereka tentang penghasilan tekak warisan yang telah dimiliki sejak turun-temurun.

1.2 Pernyataan masalah

Sesuatu budaya bangsa itu, dapat bertahan kerana mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang akan mencerminkan satu corak identiti yang unik bagi bangsa itu sendiri. Kitaran ini berlaku kerana pengemar dan pengguna mudah memahami kehendak dan jiwa nalurnya sendiri sehingga dapat menerima dan memenuhi kekosongan yang ada hingga membawa kepada satu tahap kepuasan zahir dan batin.

Begitulah halnya dengan tokoh-tokoh kraf yang kian dilupai oleh generasi kini dan mungkin akan pupus ditelan arus perubahan zaman sekaligus menukar corak peradaban bangsa itu sendiri. Seniman-seniman kraf sudah lama bertapak dalam sejarah bangsa. Seniman-seniman kraf ini senantiasa diperlukan bagi menghasilkan sesuatu peralatan dan perhiasan dalam upacara istiadat, dalam





persembahan tarian, perkahwinan dan upacara tertentu. Masyarakat hanya mengagumi barang penghasilannya sahaja, namun berapa ramai masyarakat yang mahu mengenali dan mengiktiraf tokoh atau seniman yang menghasilkan barangan tersebut.

Dalam alam siber dan era globalisasi ini, kraf itu bersifat sejagat atau universal, yakni gubahan yang boleh menyentuh perasaan masyarakat dari pelbagai kaum, bangsa, atau negara sekalipun. Ini menunjukkan kewujudan tokoh secara berterusan adalah sangat penting bagi memperjuangkan serta meneruskan usaha-usaha tokoh atau seniman terdahulu bagi tatapan masyarakat atau generasi pada masa hadapan. Kepupusan tokoh kraf harus dipandang serius bagi menangani masalah, lenyapnya sesuatu budaya masyarakat Melayu.

Jati diri sesuatu bangsa yang dipaparkan melalui budaya masing-masing perlu diutarakan dan ditegaskan. Dalam bidang kraf tradisional kita harus berbangga dengan beberapa tokoh atau seniman yang sudah lama berusaha memperkenalkan warisan bangsa ini. Namun apakah usaha kita sebagai rakyat dan masyarakat Malaysia, bagi menangani masalah ini. Tepuk dada tanyalah selera.

1.3 Objektif kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan Hajjah Azizah sebagai institusi pendidikan seni. Objektif kajian yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada soalan-soalan kajian.



- i. Mengenalpasti peranan Hajjah Azizah sebagai tokoh tekat.
- ii. Mengkaji dan mengenalpasti karya beliau dalam konteks pendidikan seni.
- iii. Mengkaji dan mengenalpasti sumbangan beliau kepada masyarakat setempat.
- iv. Mengenalpasti usaha beliau dalam mempertahankan kesenian warisan budaya tekat.

1.4 Soalan kajian

Bagi mencari jalan penyelesaian di dalam kajian, pengkaji telah membuat garis panduan berdasarkan kepada beberapa soalan yang sesuai bagi menjawab permasalahan ini agar dapat memudahkan kajian serta menyiapkan kerja-kerja penulisan. Soalan-soalan berikut ialah:

1. Apakah peranan Hajjah Azizah sebagai Tokoh Tekat Kebangsaan?
2. Bagaimanakah karya beliau dapat menyumbang dalam konteks pendidikan seni?
3. Apakah sumbangan beliau kepada masyarakat setempat?
4. Apakah peranan beliau dalam mempertahankan kesenian warisan budaya tekat?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini penting dan dapat memberi manfaat kepada agensi tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Perlancongan, Kementerian Kesenian dan Warisan, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, memberi pengiktirafan kepada tokoh sekaligus membantu dan memelihara kraftangan tradisional seiring dengan kepesatan kemajuan negara.

Di samping itu, kajian ini juga secara tidak langsung memberi faedah kepada orang-orang tertentu seperti pengubal dasar dan para pengkaji lain untuk meneruskan usaha memartabatkan tokoh kraftangan tradisional ini, bukan sekadar menjadi perhatian malah dapat dihayati oleh semua generasi Malaysia secara turun-temurun.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencari kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Ini bertepatan dengan kandungan gagasan di dalam wawasan 2020 seperti yang disebut oleh Perdana Menteri (Noriah Taslim, 1996: 10) iaitu:



Malaysia tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala segi: dari segi ekonomi, politik, sosial, keharmonian, kejiwaan dan kebudayaan.....

Adalah menjadi harapan agar penulisan ini dapat membantu guru Pendidikan Seni khususnya berkongsi hasil dapatan ini dan mempelbagaikan gaya pembelajaran seterusnya diaplikasi dalam bilik darjah. Berdasarkan pembelajaran secara kontekstual, sebagai seorang manusia, keperluan yang di dapati daripada persekitaran atau alam sekeliling akan menghasilkan pengalaman yang lebih menarik dan berkesan. Justeru, ini secara tidak langsung akan dapat membantu masyarakat mengenali seniman dan tokoh kraf ini dengan lebih dekat.



1.6 Batasan kajian

Kajian ini adalah terhad kepada sasarannya iaitu tokoh tekak, bekas pelajar dan pekerja-pekerja dibengkel. Kajian di dilaksanakan di Kampung Padang Changkat, Kuala Kangsar, Perak dan tertumpu kepada seorang tokoh iaitu Hajjah Azizah bt. Yusuf dan dua orang bekas pelajar beliau, Pn Azizah bt. Haji Adam dan Pn. Salmiah bt. Joya serta pekerja-pekerja di bengkel tekak. Aspek utama yang akan dilihat dalam kajian ini adalah 'Hajjah Azizah sebagai institusi pendidikan seni'. Batasan kajian ini juga terikat dengan konsep serta istilah yang akan digunakan dan diterima umum seperti yang akan diperjelaskan dalam tajuk seterusnya.





1.7 Definisi istilah

i Institusi

Institusi berfungsi sebagai menjamin wujudnya pengalihan pengetahuan, yang mencakupi nilai-nilai dan pola-pola bagi perilaku dari generasi ke generasi yang lain dan berlangsung dengan sebaik-baiknya. Institusi pendidikan tidak hanya terwujud sebagai pendidikan formal yang perkhidmatannya semata-mata demi pendidikan malah terdapat juga aktiviti yang tidak formal bagi menjamin pengembangan kemahiran, kecekapan, kesedaran atau keahlian yang berguna bagi kehidupan masyarakat agar dapat dilakukan dengan produktif yang bertujuan untuk melastarikan warisan nilai-nilai budaya yang signifikan dari masyarakat yang bersangkutan dan pengembangan keahlian pelajar baik bersifat individual mahupun kelompok.



ii Pendidikan

Pendidikan membawa misi kebudayaan yang dinamik dalam perubahan masyarakat dan kebudayaannya bagi melastarikan dan mengembangkan nilai-nilai, kepercayaan dan pengetahuan bersesuaian dengan keperluan individu, sosial dan budaya masyarakat yang terhasil dengan jelas dalam cara berfikir, sikap atau menghayati, berbicara dan tindakan mereka yang menjadi anak didik.





iii Seni

Seni atau 'Art' ialah segala yang halus dan indah lagi menyenangkan hati dan perasaan manusia, tidak kira sama ada ianya merupakan hasil ciptaan Allah mahupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi dan perbuatan manusia. Seni mempunyai pertalian yang akrab dengan pernyataan rasa. Seni memperkatakan tentang diri kita sendiri. Melalui seni, kita dapat melihat alam bagaikan cermin yang mencerminkan potensi kita dalam hubungan kita dengan kenyataan melalui masyarakat. Dalam penulisan ini, seni yang diutarakan adalah menjurus kepada seni kraf. Collingwood mendakwa bahawa kraf ialah aktiviti yang mengubah bahan mentah menjadi barangan yang dirancang dengan menggunakan kemahiran yang boleh dipelajari. Kraf dapat "melihat" matlamat yang dirancang terlebih dahulu. Merancang dan melaksanakan rancangan sangat ketara, di mana perbezaan antara jisim dengan bentuk, perbezaan antara bahan mentah dengan artifak sangat jelas.

